

03/08/2002

Australia, Singapura disyaki rebut pelaburan (HL)

KUALA LUMPUR, Jumaat - Australia dan Singapura disyaki antara negara kaya yang dikatakan merebut pelaburan besar yang sepatutnya datang ke Malaysia, dengan menawarkan ratusan juta dolar kepada syarikat berkenaan.

Walaupun tiada pengesahan rasmi mengenai tindakan dua negara itu, sumber industri yang dihubungi Berita Harian percaya tindakan Australia dan Singapura dalam menarik pelaburan asing sejak beberapa tahun lalu, disifatkan sebagai tidak adil.

Satu daripadanya ialah tindakan Kerajaan Australia yang dikatakan menawarkan pelbagai insentif menarik kepada sebuah syarikat negara itu, Comalco Ltd, menyebabkannya membatalkan cadangan melabur di Malaysia.

"Comalco ada membuat cadangan untuk membuka sebuah loji melebur aluminium di Bintulu, Sarawak dengan anggaran kos pelaburan awal AS\$600 juta (RM2.28 bilion) pada 2000.

"Bagaimanapun, Comalco membatalkan cadangan itu selepas Kerajaan Australia menawarkan pelbagai insentif menarik termasuk tapak operasi bagi loji berkenaan dekat Brisbane," katanya.

Comalco ialah syarikat pembekal utama bauksit, aluminium dan pelbagai produk sampingan di Australia, New Zealand dan seluruh dunia. Ia mencatatkan jualan berjumlah lebih A\$2.3 bilion (RM4.7 bilion) pada 1999.

Pengurus Hal Ehwal Luar Comalco, Jim Singer, ketika dihubungi di Brisbane dari sini malam ini mengesahkan pihaknya pernah bercadang membuka loji penapisan aluminium di Malaysia beberapa tahun lalu.

"Bagaimanapun, kami memindahkan rancangan itu ke lokasi berdekatan kilang sedia ada di Gladstone, Queensland. Ini kerana kerajaan negeri Queensland menawarkan bantuan kewangan A\$150 juta dalam bentuk kemudahan prasarana pelbagai guna bagi projek itu.

"Selain itu, Kerajaan Pusat pula memberi bantuan pembiayaan bernilai A\$140 juta. Pembinaan loji itu sudah dimulakan Januari lalu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mendedahkan Malaysia menjadi mangsa kepada tindakan keganasan ekonomi apabila sebuah negara kaya menghalang pelaburan bernilai beratus juta dolar ke Malaysia.

Perdana Menteri memberikan contoh, sebuah negara kaya menawarkan AS\$200 juta dan pelbagai faedah istimewa lain untuk memastikan pelaburan yang dicadangkan ke negara ini berpindah ke negara mereka.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak menyatakan negara dan syarikat berkenaan serta bidang pelaburannya.

Sumber lain pula berkata, Singapura juga mengambil pelbagai langkah drastik bagi syarikat perkapalan kedua terbesar Korea Selatan, Hanjin Shipping (Hanjin) terus menjadikan republik itu pangkalan operasi serantaunya.

Sumber-sumber perkapalan berkata, tindakan Singapura memberikan pelbagai insentif 'keterlaluan' kepada Hanjin yang pernah menyatakan hasratnya berpindah ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor itu sebagai 'merampas' peluang Malaysia.

PSA, pengendali pelabuhan Singapura baru-baru ini mengumumkan pelbagai pakej menarik untuk syarikat perkapalan asing termasuk diskaun sehingga 50 peratus bagi caj tertentu dan potongan harga untuk pelbagai perkhidmatan lain.

Sumber itu juga mendakwa, Singapura memperuntukkan pelbagai insentif berjumlah kira-kira S\$300 juta (RM650 juta) sejak dua tahun lalu dalam usahanya memastikan syarikat perkapalan antarabangsa kekal menggunakan

kemudahannya.

"Memang pengusaha pelabuhan di negara kita berasa tercabar dengan tindakan Singapura yang menawarkan insentif keterlaluan dalam memenangi persaingan itu.

"Bagaimanapun, kita sedar dan kini merancang strategi memastikan pelabuhan tempatan juga menarik untuk dijadikan pangkalan oleh firma perkapalan asing," katanya.

Singapura juga sebelum ini dikatakan pernah cuba menggagalkan cadangan Dow Chemical, firma petrokimia Amerika Syarikat untuk membangunkan projeknya di Kompleks Petrokimia Bersepadu milik Petronas di Kertih, Terengganu.

Republik itu dikatakan cuba memberikan pelbagai insentif kepada Dow untuk menempatkan operasinya di sana, tetapi faktor bekalan bahan mentah yang mudah diperolehi menyebabkan syarikat itu memilih Kertih.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata kerajaan hanya akan memberi pelbagai bantuan insentif kepada pelabur asing untuk membuka kilang di sini jika pulangnya dapat memberi manfaat kepada Malaysia keseluruhannya.

Katanya, bukan menjadi dasar kerajaan untuk memberi insentif sehingga RM400 juta, hanya disebabkan pelaburan itu strategik kerana tindakan itu tidak adil kepada industri tempatan.

"Apa yang ditawarkan negara maju ada kalanya di luar kemampuan kerajaan. Malah, ada negara yang sanggup menanggung kos pembinaan kilang sekiranya pelabur itu sanggup melabur di negara mereka.

"Kita tidak boleh buat begitu. Bukan dasar kita kerana ia tidak adil kepada industri tempatan," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Rafidah berkata, tindakan negara maju itu tidak memberi kesan besar kepada Malaysia kerana pelaburan yang akan dibuat syarikat asing belum tentu memberi faedah kepada negara.

Katanya, walaupun ada sesetengah insentif yang diberikan negara maju itu mampu diadakan oleh kerajaan, faedah yang diperolehi nanti mungkin tidak setimpal dengan jumlah perbelanjaan yang kerajaan keluarkan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata 'dalang' yang merebut pelaburan besar dari Malaysia itu tidak semestinya dari sebuah negara, tetapi adalah satu pelabur khusus.

"Usahlah sebut siapa tetapi yang Perdana Menteri sebutkan itu adalah satu pelabur khusus dan bukan semestinya negara," katanya ketika ditanya sama ada Singapura atau ada negara Barat yang terbabit dalam perebutan pelaburan berkenaan.

Bercakap kepada pemberita selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (Mou) dengan Australia dalam menangani Keganasan Antarabangsa di Putrajaya hari ini, Syed Hamid berkata, pelabur berkenaan juga membuat tuntutan perbelanjaan sebagai persediaan baginya melabur di negara ini.

Di KOTA BHARU, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamad, berkata Malaysia mahu persaingan sihat dan adil dalam semua kegiatan ekonomi, khususnya di kalangan negara yang lebih kaya dan maju.

"Kita mahu hidup dalam suasana (perniagaan dan kegiatan ekonomi) lebih kompetitif dan kita rasa perlu ada peraturan dan undang-undang berhubung perkara berkenaan.

"Walaupun kita bersaing dalam kegiatan ekonomi seperti soal pelaburan, pelancongan dan sebagainya, tetapi dalam masa sama kita harus ada tata susila dan timbang rasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Program Kembara Merdeka peringkat negeri Kelantan, petang ini.